

# Semak status halal, kandungan kosmetik sebelum mahu cantik

**Dr Nor Aina Mhd Khotib,**  
Pengarah Institut Pengurusan Halal Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

**Dalam** usaha untuk tampil cantik dan yakin, penggunaan kosmetik menjadi sebahagian daripada rutin harian masyarakat moden khususnya wanita.

Namun, di sebalik pelbagai produk menjanjikan kecantikan, wujud satu persoalan penting sering diabaikan, adakah bahan digunakan

benar-benar halal dan selamat.

Bagi pengguna Muslim, aspek ini bukan sekadar pilihan, tetapi satu keperluan perlu diberi perhatian serius kerana ia membabitkan tuntutan agama dan juga kesihatan.

Hakikatnya, kebanyakan produk kosmetik mengandungi bahan dengan istilah saintifik sukar difahami pengguna biasa. Istilah seperti *glycerin*, *collagen* dan *stearic acid* mungkin kelihatan biasa dalam senarai ramuan, namun sumber bahan itu jarang diketahui.

Bahan ini boleh diperolehi daripada tumbuhan, sintetik atau haiwan. Sekiranya ia berasal daripada sumber haiwan tidak disembelih mengikut syarak atau daripada babi, maka status penggunaannya menjadi tidak halal dan mesti dielakkan pengguna Muslim.

Terdapat juga penggunaan bahan jelas menimbulkan persoalan dari sudut halal. Sebagai contoh, penggunaan *sake* (sejenis arak) dalam produk penjagaan kulit seperti topeng wajah.

Namun, pengguna Muslim perlu lebih berhati-hati kerana bahan ini berkait dengan proses penghasilan arak, sekali gus menimbulkan keraguan dari sudut halal walaupun digunakan secara luaran.

Pengguna juga perlu berwaspada terhadap lambakan produk kosmetik di pasaran dijual secara tidak terkawal, termasuk produk 'timbang kilo'

dari negara jiran.

Produk sebegini lazimnya tidak mempunyai label jelas, tiada senarai ramuan lengkap dan tidak diketahui asal usul pengeluarannya. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan keraguan dari sudut halal, malah meningkatkan risiko penggunaan bahan tidak selamat.

## Kerosakan kulit serius

Lebih membimbangkan, terdapat produk kosmetik mengandungi bahan berbahaya seperti merkuri dan hidroquinon yang digunakan untuk kesan pemutihan segera.

Walaupun hasilnya mungkin kelihatan cepat dan menarik, penggunaan bahan ini boleh menyebabkan kerosakan kulit serius seperti penipisan kulit, perubahan warna kulit tidak sekata

serta risiko kesihatan jangka panjang, termasuk kerosakan buah pinggang dan sistem saraf.

Sehubungan itu, pengguna disaran membuat semakan terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu produk kosmetik. Antara langkah boleh diambil ialah menyemak status pendaftaran produk melalui laman web Agensi Penguatkuasaan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA).

Produk berdaftar dengan NPRA melalui penilaian dari segi keselamatan, kualiti dan keberkesanan, sekali gus memberikan perlindungan kepada pengguna daripada risiko penggunaan produk tidak selamat.

Dalam konteks halal pula, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan memastikan produk kosmetik mendapat sijil halal melalui proses penilaian ketat.

Bagaimanapun, pengguna tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada label semata-mata tanpa memahami asas kandungan produk. Sikap ingin tahu dan kesedaran membaca label serta memahami istilah asas dalam kosmetik sangat penting.

Tambahan pula, pengguna hari ini terdedah kepada pengaruh besar media sosial sering mempromosikan produk kosmetik secara agresif. Iklan menggunakan testimoni 'viral' dan janji kesan segera boleh menyebabkan pengguna mudah terpedaya tanpa membuat semakan terlebih dahulu.

Tidak semua produk popular di media sosial selamat atau memenuhi keperluan halal. Kesimpulannya, kecantikan tidak seharusnya mengabaikan prinsip halal dan keselamatan.

Pengguna tetap perlu lebih peka, berpengetahuan dan berhati-hati membuat pilihan dengan memastikan apa yang digunakan halal, selamat serta berkualiti.

